



Kementerian Kesihatan
Malaysia



A large, dynamic splash of colorful paint (red, blue, green, yellow) is positioned on the left side of the page, angled upwards towards the center. The paint splatters vary in size and intensity, creating a sense of motion and energy.

**POLISI
RUJUKAN
PENDEDAHAN
KELAKUAN
TIDAK WAJAR**
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MS ISO 37001: 2016
Anti-Bribery Management System**

Tahun 2019

Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia



Perutusan

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Salam Sejahtera,

Ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan kesihatan di Malaysia semakin meningkat sejajar dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan adalah konsisten mengikut ekspektasi tersebut.

Ke arah pencapaian matlamat tersebut, KKM tidak akan berkompromi terhadap apa-apa bentuk kelakuan tidak wajar seperti salah laku jenayah, tatatertib dan sebagainya.

Selaras dengan pendekatan "**No Wrong Door Policy**", KKM telah merangka **Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar** sebagai satu saluran pendedahan kelakuan tidak wajar dan perlindungan pemberi maklumat oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Saya yakin dengan pelaksanaan Polisi ini, pemberi maklumat berani tampil untuk menyalurkan maklumat kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Namun demikian, saya berharap saluran ini dapat dimanfaatkan secara bijaksana dan tidak disalahgunakan untuk menyalurkan maklumat yang tidak benar.

Sekian, Terima kasih.

DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN
17 April 2019

KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	1
2.	Takrifan	2
3.	Pemakaian	3
4.	Tujuan	3
5.	Pernyataan Dasar	3
6.	Pengurusan Kelakuan Tidak Wajar	4
7.	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)	5
8.	Pertanyaan	8
9.	Penutup	8
10.	Rujukan	9
11.	Penghargaan	10

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pendekatan “*No Wrong Door Policy*” yang diperkenalkan oleh Kerajaan membolehkan rakyat mengemukakan maklum balas sama ada dalam bentuk cadangan penambahbaikan, penghargaan dan aduan bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan organisasi.
- 1.2 Kerajaan telah memperkenalkan beberapa saluran aduan seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA), Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) dan MySMS 15888 bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil inisiatif untuk merangka Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar bagi memperkuuhkan saluran aduan sedia ada.
- 1.3 Susulan itu, orang ramai sentiasa digalakkan untuk berani dan tampil sebagai pemberi maklumat bagi membuat pendedahan kelakuan tidak wajar (KTW). Bagi tujuan tersebut, Polisi ini dirangka untuk memberikan kesedaran dan kefahaman tentang perlindungan kepada pemberi maklumat dan memudahcara proses membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan berkaitan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- 1.4 Berdasarkan Memo Pejabat Penasihat Undang-Undang KKM bertarikh 8 Mac 2019 yang menyatakan meskipun terdapat beberapa Bahagian di KKM yang boleh didefinisikan sebagai agensi penguatkuasaan, namun Kementerian secara sendirinya bukanlah agensi penguatkuasaan kerana tidak mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah undang-undang bertulis. Justeru, perlindungan pemberi maklumat di KKM tidak boleh dibuat mengikut ketetapan undang-undang di bawah Akta 711 tetapi dibuat mengikut ketetapan Polisi ini.

2. TAKRIFAN

Pemberi maklumat

Mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan (rujuk tafsiran “agensi penguatkuasaan” di bawah Seksyen 2, Akta 711) termasuk warga KKM.

Warga KKM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KKM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KKM juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri, ahli lembaga pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KKM.

Kelakuan tidak wajar (KTW)

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib (rujuk tafsiran “kesalahan tatatertib” di bawah Seksyen 2, Akta 711) atau kesalahan jenayah.

Maklumat sulit

“Maklumat sulit” termasuklah:

- i. maklumat tentang identiti, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya –
 - a. seseorang pemberi maklumat; dan
 - b. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- ii. maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- iii. maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

Pegawai diberi kuasa

Mana-mana pegawai bagi mana-mana agensi penguatkuasaan dan bagi maksud pelaksanaan Polisi ini pegawai diberi kuasa adalah pegawai dari agensi penguatkuasaan yang ditempatkan di Unit integriti KKM.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua warga KKM. Polisi ini juga boleh dijadikan panduan oleh rakan niaga / pemegang taruh atau mana-mana individu / organisasi ketika berurusan dengan warga / fasiliti KKM.

4. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan menggalakkan pemberi maklumat membuat pendedahan KTW dengan memelihara kerahsiaan maklumat sulit dan memudahkan pemberi maklumat dalam membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan.

5. PERNYATAAN DASAR

- 5.1 Polisi ini **hanya terpakai** bagi pendedahan KTW berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana warga KKM telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu **kesalahan jenayah** di bawah undang-undang.
- 5.2 Polisi ini **tidak terpakai** bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana-mana warga KKM jika terbukti menjadi suatu **kesalahan tatatertib** di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

6. PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

6.1 Kesalahan Tatatertib

- 6.1.1 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan tatatertib akan diuruskan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam, KKM bertarikh 7 Disember 2018.
- 6.1.2 Garis panduan tersebut menetapkan pegawai penyiasat yang terlibat dalam siasatan bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas. Mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati membocorkan butiran aduan dan hasil siasatan kepada pihak ketiga.

6.2 Kesalahan Jenayah

- 6.2.1 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan Polisi ini. Pemberi maklumat boleh memaklumkan kepada **pegawai diberi kuasa di Unit Integriti KKM** melalui kaedah berikut:

Telefon : 03 – 8892 4798
Emel : wb@moh.gov.my

- 6.2.2 Sekiranya ada pendedahan KTW, pegawai diberi kuasa perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan di bawah Akta 711.
- 6.2.3 Sekiranya pemberi maklumat bersetuju untuk membuat pendedahan KTW, pegawai diberi kuasa akan memudahcara pendedahan KTW dengan merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

- 6.2.4 Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa pegawai diberi kuasa, apabila diterimanya apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis.
- 6.2.5 Sekiranya pendedahan KTW telah dibuat kepada pegawai diberi kuasa, maka pegawai diberi kuasa tersebut juga mendapat perlindungan maklumat sulit di bawah Akta 711.

7. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

Pemberi maklumat sewajarnya mengetahui dan memahami peruntukan di bawah Akta 711 seperti berikut:

7.1 Perlindungan Pemberi Maklumat di bawah Seksyen 7, Akta 711

- 7.1.1 Seseorang pemberi maklumat hendaklah, apabila pendedahan KTW diterima oleh mana-mana agensi penguatkuasaan, diberi perlindungan pemberi maklumat seperti berikut:
- i. perlindungan maklumat sulit;
 - ii. kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
 - iii. perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan (TYM) (rujuk tafsiran “tindakan yang memudaratkan” di bawah Seksyen 2 Akta 711).
- 7.1.2 Perlindungan bagi perkara (iii) hendaklah diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu termasuk pegawai diberi kuasa di Unit Integriti KKM yang telah menerima pendedahan KTW.
- 7.1.3 Perlindungan yang diberikan tidak terbatas atau terjejas sekiranya pendedahan KTW itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan.

7.2 Penyiasatan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Seksyen 12, Akta 711

Setiap agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan KTW hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri.

7.3 Perlindungan Terhadap Tindakan Yang Memudaratkan di bawah Seksyen 10, Akta 711

Seseorang pemberi maklumat boleh membuat aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan tentang apa-apa TYM yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap pemberi maklumat itu atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu.

7.4 Penyiasatan Terhadap Aduan Tindakan Yang Memudaratkan di bawah Seksyen 14, Akta 711

Sekiranya mana-mana agensi penguatkuasaan menerima aduan TYM, agensi penguatkuasaan itu hendaklah memulakan penyiasatan terhadap aduan TYM itu.

7.5 Remedi di bawah Seksyen 15, Akta 711

Apabila permintaan remedi dibuat oleh pemberi maklumat –

- i. dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh agensi penguatkuasaan bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW telah diambil terhadapnya; atau
- ii. pada bila-bila masa yang pemberi maklumat bimbang bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW akan diambil terhadapnya, agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi yang berikut daripada mahkamah:
 - a. ganti rugi atau pampasan;
 - b. injunksi; atau
 - c. apa-apa relif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

7.6 Pernyataan Palsu di bawah Seksyen 21, Akta 711

Mana-mana orang yang dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW atau aduan TYM suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar melakukan suatu kesalahan.

7.7 Pembatalan Perlindungan Pemberi Maklumat di bawah Seksyen 11, Akta 711

Perlindungan kepada pemberi maklumat akan terbatal sekiranya agensi penguatkuasaan berpendapat, berdasarkan penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatannya bahawa –

- i. pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu;
- ii. pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam pendedahan KTW suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar;
- iii. pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan;
- iv. pendedahan KTW mempersoalkan merit dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam;
- v. pendedahan KTW dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; atau
- vi. pemberi maklumat, dalam perjalanan membuat pendedahan KTW itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711.

7.8 Ganjaran di bawah Seksyen 26, Akta 711

Agensi penguatkuasaan boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkannya patut untuk dibayar kepada pemberi maklumat bagi -

- i. apa-apa pendedahan KTW; atau
- ii. apa-apa aduan TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW, yang membawa kepada pengesanan kes KTW atau TYM atau pendakwaan orang yang terhadapnya pendedahan KTW itu dibuat atau orang yang melakukan TYM itu.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)**

Emel: integriti@moh.gov.my

9. PENUTUP

Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar membuktikan KKM sentiasa komited, telus dan tidak akan berkompromi dengan sebarang perlakuan jenayah selain mencerminkan keterbukaan KKM dalam melaksanakan pendekatan “*No Wrong Door Policy*” bagi memperkuuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

RUJUKAN

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993
3. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri bertarikh 21 Mac 2011
4. Surat Edaran KSU bertarikh 7 Disember 2018 - Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Memo Pejabat Penasihat Undang-Undang rujukan KKM.600-8/39/38Jld.2(1) bertarikh 8 Mac 2019 – Semakan Tafsiran “Agenzi Penguatkuasaan” Di Bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) Bagi Kementerian Kesihatan Malaysia.


PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada **Jawatankuasa Pembangunan Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar Kementerian Kesihatan Malaysia** atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

1. Encik Nazli Rasyid bin Hj. Sulong
Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya
2. Encik Muniswaran a/l Gunasegaran
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
3. Puan Nur Aiena binti Othman
Ketua Penolong Setiausaha
4. Dr. Yusaini bin Yusoff
Ketua Penolong Setiausaha
5. Puan Aida Rahila binti Rusmahini
Ketua Penolong Setiausaha
6. Encik Mohammad Zawawi bin Hussin
Penolong Pesuruhjaya
7. Encik Shahfizal bin Sharif
Penolong Setiausaha Kanan
8. Puan Asmida binti Md Saad
Penolong Setiausaha Kanan
9. Puan Nurulain binti Mohd Taib
Penolong Setiausaha

Penghargaan juga dirakamkan kepada warga Unit Integriti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.

*Melati Putih Di Tengah Laman,
Simpan Sekuntum Di Dalam Peti,
Terima Kasih Kami Ucapkan,
Atas Segala Jasa Dan Bakti.*



Unit Integriti
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P PUTRAJAYA



: integriti@moh.gov.my

: Unit Integriti KKM